

24/05/1997

Calon BN serah urusan niaga

TAMPIN, Jumaat - Calon Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Repah, Gan Chin Yap, menyerahkan semua urusan perniagaanya kepada ahli keluarga kerana mahu membabitkan diri sepenuhnya dalam politik.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Gan berjanji untuk berkhidmat secara menyeluruh kepada pengundi Repah.

Katanya, sejak bekas Ahli Dewan Undangan (Adun) Repah, mendiang Datuk Lay Chun Tai sakit, beliau dengan kerjasama parti komponen BN memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

"Pembabitan secara aktif dalam politik menyedarkan saya pentingnya perkhidmatan wakil rakyat kepada penduduk di Repah," katanya.

Menurut beliau, sejak merdeka negara banyak mengalami perubahan dan mencapai kemajuan begitu pesat di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)